

## **SAMBUTAN MINGGU KESIHATAN DAN KESELAMATAN ANJURAN JAWATANKUASA PENYELARASAN DAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN KOMTAR PULAU PINANG**

Sambutan Minggu Kesihatan Dan Keselamatan Anjuran Jawatankuasa Penyelarasan dan Penyelenggaraan Bangunan KOMTAR Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 25 hingga 28 Mac 2015 dan dirasmikan oleh Encik Ismail Bin Kasim iaitu Pegawai Khas Ahli Parlimen Balik Pulau, wakil kepada YB Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Hj. Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia. Sambutan tersebut melibatkan 8 buah Jabatan Persekutuan didalam bangunan KOMTAR Pulau Pinang dan 3 agensi luar iaitu Polis Diraja Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat.

Program berlangsung di ruang legar tingkat 3 KOMTAR yang melibatkan aktiviti pameran oleh kesemua Jabatan terlibat. Selain itu, pemeriksaan kesihatan percuma dan kempen derma darah juga turut dijalankan sepanjang tempoh sambutan tersebut.



Ucapan perasmian oleh Encik Ismail Bin Kasim, Pegawai Khas Ahli Parlimen Balik Pulau



Orang awam mengambil peluang untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan secara percuma



Kakitangan JANM Negeri Pulau Pinang menyampaikan maklumat terus kepada orang ramai melalui risalah-risalah yang disediakan



Kakitangan awam menerima hadiah bagi menjawab soalan kuiz yang dianjurkan